



TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH
PELANTIKAN MAJLIS PERWAKILAN
PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN
(MPPWP) DAN MAJLIS PENGURUSAN
KOMUNITI KAMPUNG (MPKK)
PARLIMEN LABUAN**

HOTEL TIARA, WP LABUAN

**14 FEBRUARI 2019 (KHAMIS)
JAM 9.00 PAGI**

Salutasi (Akan dimuktamadkan)

Bismillahirrahmanirrahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh; dan Salam Wilayahku Peduli,
Harapan Dipenuhi**

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada malam yang penuh bermakna ini bersempena dengan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi Parlimen Labuan.
 2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada sahabat

saya, Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Labuan dan ahli-ahli MPPWP serta ahli MPKK Labuan kerana dapat hadir bagi menjayakan majlis kita pada malam ini. Sesungguhnya komitmen daripada semua pihak dalam menjayakan majlis seperti ini serta terus menerus menyokong usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya amatlah dihargai.

Hadirin yang dihormati sekalian,

LATAR BELAKANG

3. Pelaksanaan MPPWP bermula dengan penubuhan Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar (MPKB) pada 22 Disember 2010, yang mana pada awal penubahannya, MPKB hanya melibatkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sahaja. Selaras dengan

penyusunan semula fungsi Kementerian selepas Pilihan Raya Umum Ke-13, MPKB telah dijenamakan semula kepada Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP). Seterusnya Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan MPPWP Labuan pada 10 Februari 2016 untuk memastikan penyeragaman pelaksanaan MPPWP di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

4. Bagi pelaksanaan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) pula, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 27 Jun 2018 telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) agar Jawatankuasan Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) supaya distrukturkan semula bagi memastikan ianya akan menjadi institusi yang lebih efektif dan efisien di dalam

pembangunan kampung. Antara penstruktur semula yang terlibat adalah seperti nama baharu JKKK kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Manakala kuasa pelantikan oleh pihak Kerajaan Negeri, tatacara pengurusan dan latihan kepimpinan MPKK oleh KPLB, keanggotaan MPKK sekurang-kurangnya 30% adalah wanita dan penetapan kadar baharu elaun.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PERANAN MPPWP DAN MPKK

5. Seperti mana kita semua sedia maklum, MPPWP dan MPKK merupakan komuniti yang mampu mentadbir masyarakat setempat (*self-governance community*) dianggotai oleh kelompok masyarakat setempat yang diberi kepercayaan untuk memimpin dan mentadbir

keseluruhan komuniti sedia ada. Maka, peranan kedua-dua entiti ini tidak jauh bezanya dan mempunyai struktur pentadbiran yang sistematik dan terancang dalam menggalakkan penyertaan awam (*participatory-people centric*) dan penduduk setempat dalam pembangunan dan pengurusan Wilayah Persekutuan.

6. MPPWP dan MPKK juga berfungsi sebagai penghubung di antara Kerajaan dan rakyat dalam merancang dan melaksanakan program dan aktiviti kesejahteraan bandar secara sistematik selaras dengan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan. Dalam hal ini juga MPPWP dan MPKK turut berperanan menyalurkan maklumat, maklum balas, aduan, masalah, permintaan atau keperluan penduduk kepada Kementerian dan Agensi serta mengesyorkan inisiatif bagi meningkatkan

kemajuan dan pembangunan modal insan di kawasan setempat.

Tuan/puan, Hadirin sekalian,

PELANTIKAN AHLI MPPWP DAN MPKK

7. Untuk makluman hadirin semua, pelantikan ahli MPPWP bagi tahun 2019/2020 melibatkan 13 Zon dan 77 Sub Zon iaitu 70 Subzon di 11 Parlimen dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 4 Sub zon di Parlimen Putrajaya dan 3 Sub Zon di Labuan. Bagi Labuan, pelantikan ini melibatkan seramai 49 ahli yang terdiri daripada 1 Pengerusi Zon, 3 Pengerusi Sub Zon, 48 ahli.

8. Manakala bagi ahli MPKK pula, seramai 351 orang ahli telah dilantik merangkumi 27 MPKK yang terdiri daripada 27 Pengerusi, 27 Setiausaha dan 297 ahli.

9. Pelantikan semua ahli MPPWP dan MPKK ini telah mengambil kira pandangan dan pendapat masyarakat setempat dengan mengetengahkan ahli-ahli yang terdiri daripada individu-individu yang mempunyai pengalaman luas dalam kemasyarakatan dan berupaya untuk menggalas tanggungjawab dalam melahirkan masyarakat setempat yang harmoni.

Tuan/puan, hadirin yang dikasihi sekalian,

PERUBAHAN MINDA ASAS PEMBANGUNAN
LABUAN

10. Dalam ucapan saya di sini Sempena Hari Malaysia 2018 yang lalu, saya telah memberi jaminan tidak akan mengabaikan Wilayah Persekutuan Labuan dan akan memastikan ia bangkit semula membangun selari dengan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Namun demikian, usaha

ini tidak akan berjaya sekiranya pelaksanaan tersebut diserahkan kepada Kerajaan sepenuhnya. Kerjasama yang jitu daripada semua pihak amat diharapkan dalam usaha Kerajaan untuk mempelbagaikan sumber ekonomi supaya Labuan dapat mara semula ke hadapan setanding dengan kawasan lain.

11. Kita akan mempelbagai dan merancakkan kembali sektor ekonomi Labuan yang terjejas sejak beberapa tahun lalu selepas industri minyak dan gas yang menjadi teras pendapatan utama Labuan merudum. Ia sekali gus mengakibatkan aktiviti ekonomi di sekitar pulau berkenaan suram dan dianggarkan lebih 7,000 orang pekerja industri minyak dan gas terpaksa meninggalkan Labuan kerana kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan. Keadaan ini menyebabkan bilangan pengunjung telah berkurangan kuasa membeli (*purchasing*

power) yang menjaskan pelbagai sektor di Labuan.

12. Saya mahu menarik perhatian sidang hadirin sekalian kepada ucapan YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa menghadiri Persidangan Antarabangsa ke-24 mengenai Masa Depan Asia atau Persidangan Nikkei pada bulan Jun yang lalu. YAB Perdana Menteri positif menegaskan Malaysia akan berjaya sekiranya kita memiliki etika kerja, *mind set* dan sistem nilai seperti orang Jepun yang mempunyai perasaan malu jika kita gagal melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan baik. Saranan ini harus dijadikan panduan buat kita semua bagi meningkat kualiti kerja ke prestasi terbaik dan menjadikannya satu budaya kerja dalam melaksanakan tugas.

13. Dalam kesempatan ini, saya menyeru kepada Tuan-tuan/Puan-puan yang merupakan orang kuat MPPWP dan MPKK untuk menjadi ejen kepada perubahan minda (*changing mind set*) kepada warga Labuan. Tuan-tuan dan puan-puan perlu memainkan peranan dalam menerajui perubahan minda masyarakat agar mereka dapat menerima dan menyokong usaha-usaha pembaharuan serta penambahbaikan yang dibawa oleh Kerajaan secara positif demi peningkatan ekonomi di Labuan.

Hadirin sekalian,

**MPPWP DAN MPKK PENERAJU PERUBAHAN
MINDA**

14. Dalam konteks industri pelancongan contohnya, warga Labuan perlu lebih terbuka untuk bekerjasama dengan agensi pelancongan

daripada Sabah dalam usaha untuk menggalakkan kemasukan pengunjung luar memandangkan kuasa membeli (*purchasing power*) penduduk setempat adalah terhad.

15. Berdasarkan statistik Jabatan Pelancongan Negeri Sabah, kemasukan pelancong asing ke Negeri Sabah bagi tahun 2018 adalah seramai 1.4 juta orang. Kemasukan pelancong ini dapat membantu menjana pendapatan kepada Negeri Sabah melalui sektor pelaongan melebihi RM6 bilion. Bayangkan sekiranya kita berupaya membawa masuk sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah pelancong asing ke Labuan, saya percaya kita dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan baharu melalui penyediaan perkhidmatan sokongan seperti pengangkutan, perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman (*food and beverages*),

penginapan dan juga penghasilan produk-produk kraftangan serta hasil laut di Labuan.

16. Saranan ini bukanlah satu perkara yang mustahil kerana Labuan begitu dekat dengan Sabah. Yang menjadi halangan hanyalah diri kita sendiri. Sekiranya kita terbuka untuk menjalankan kerjasama pintar dengan ejen pelancongan daripada Sabah, saya yakin sasaran untuk membawa masuk sekurang-kurangnya 20% pelancong dari Sabah ke Labuan akan dapat direalisasikan.

17. Saya percaya, sekiranya industri ini dikembangkan dan dipromosi secara teratur melalui kerjasama pemain industri di Labuan dan Sabah, bilangan pelancong akan meningkat sekaligus membantu menjana pertumbuhan ekonomi Labuan ke tahap yang lebih tinggi. Saya melihat usaha ini sebagai situasi menang-

menang (*win-win situation*) bukan sahaja kepada pelabur dari luar, tetapi juga bagi warga Labuan dalam meningkatkan sosio ekonomi tempatan.

18. Saya juga penuh yakin dan percaya, rakyat di Labuan sangat matang untuk menerima perubahan landskap ekonomi dan sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada pihak luar untuk melaksanakan aktiviti pelaburan dan kegiatan ekonomi di sini. Kemasukan “pihak luar” untuk melaksanakan pelaburan dan pembangunan di sini adalah perlu dilihat secara positif dan bukannya suatu ancaman.

Hadirin sekalian,

ASPIRASI WILAYAH 2019

19. Kementerian telah merangka hala tuju dan aspirasi Wilayah Persekutuan bertemakan “Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi” dalam usaha memastikan kebajikan warga Wilayah Persekutuan terjaga. Semua inisiatif yang telah dikenal pasti meliputi semua golongan dan merentasi pelbagai had usia.

20. Bagi tahun 2019, Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama agensi-agensi di bawahnya akan memperhalusi pelaksanaan inisiatif dengan memberikan penekanan berdasarkan kepada enam (6) teras seperti berikut:

- (a) Bandar Raya Bersih;**
- (b) Keselamatan Awam;**
- (c) Pengangkutan Awam Efisien;**
- (d) Sosio-Ekonomi Mampan;**
- (e) Persekitaran Hijau; dan**

(f) Komuniti Inklusif.

Sehubungan dengan itu, saya memohon agar semua anggota MPPWP serta ahli MPKK Labuan memainkan peranan sama untuk memahami dan seterusnya melaksanakan teras-teras ini di Labuan.

Kita mahu Labuan yang bersih, selamat, mempunyai pengangkutan awam yang cekap, ekonominya meningkat, kehijauan alam sekitar yang terserlah dan komuniti yang saling paut memaut antara satu sama lain.

Kita mahu tahun 2019 ini mempersiapkan kita sepenuhnya untuk mencapai Wawasan 2020 yang ditetapkan oleh Tun Dr Mahathir dahulu. Sebagai pencetus idea pembangunan untuk Labuan, saya yakin idea Tun ini akan memberikan kebaikan untuk kita semua.

Hadirin sekalian,

SAMBUTAN HARI WILAYAH 2019

21. Saya percaya, bulan Februari sangat dekat di hati kita khususnya dan warga Wilayah Persekutuan amnya. Seperti hadirin sedia maklum, Sambutan Hari Wilayah Persekutuan disambut pada tarikh 1 Februari setiap tahun, bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Sambutan pada tahun ini merupakan sambutan yang ke-14 yang gabungan ketiga-tiga wilayah sejak wujudnya Kementerian Wilayah Persekutuan pada 27 Mac 2004.

22. Tema Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini adalah “Sayangi Wilayahku”. Penetapan tema ini dipilih kerana Kementerian

ingin mengajak semua warga Wilayah Persekutuan agar bersama-sama memupuk perpaduan, persefahaman dan muafakat dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum demi mengukuhkan kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan.

23. Kementerian dan agensi akan menjayakan sebanyak 21 program sempena SHWP 2019 sepanjang bulan Februari ini. Oleh itu, saya ingin menyeru semua warga Wilayah Persekutuan untuk hadir dan bersama-sama di setiap program yang dianjurkan.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

HARAPAN

24. Bertepatan dengan falsafah manusia sebagai khalifah merupakan penggerak kepada

manusia itu sendiri untuk melaksana dan mencorakkan pembangunan yang memenuhi keperluan manusia selari dengan peraturan yang telah ditetapkan Allah s.w.t. Firman Allah yang bermaksud: “Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada sekalian malaikat: ‘Sesungguhnya Allah akan jadikan di atas muka bumi ini khalifah’. (Al-Baqarah: 30)

25. Sama-sama kita mengingati diri kita sendiri bahawa manusia sebagai khalifah bermaksud menjadi wakil yang dilantik oleh Allah dalam mentadbir dan membangunkan muka bumi iaitu ejen utama pembangunan muka bumi. Kesemua kita di sini amat saling perlu memerlukan dan harus meningkatkan kerjasama dalam memastikan kualiti perkhidmatan diterjemah secara berkesan merentasi batas bangsa, agama dan fahaman politik. Dengan etika kerja yang baik, sikap dan pemikiran yang betul, kita

boleh memastikan perancangan yang dibuat dan mekanisma perlaksanaannya berkesan sehingga mampu sampai kepada golongan sasar kita.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

PENUTUP

26. Besarlah harapan saya agar semua ahli MPPWP dan MPKK yang dilantik dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi dan berintegriti demi kebaikan warga Wilayah Persekutuan. Saya percaya dengan semangat Malaysia Baharu, ahli-ahli MPPWP dan MPKK akan merancang dan melaksanakan aktiviti dengan baik serta berintegriti. Dengan integriti yang utuh, saya juga percaya pendekatan perbelanjaan “*value for money*” berjaya dilaksanakan.

**27. Seeru 'ala barakatillah saya merasmikan
“Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Majlis
Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan
(MPPWP) dan Majlis Pengurusan Komuniti
Kampung (MPKK) Wilayah Persekutuan
Labuan.”**

**Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah...
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**